

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dalam bentuk jadual, statistik pengangguran di Sarawak terutamanya golongan belia sejak tahun 2010 dan inisiatif Kerajaan yang wujud bagi menangani masalah pengangguran terutamanya golongan belia Sarawak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia 2010-2018, Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penganggur di Sarawak mengikut kumpulan umur adalah sebanyak 42.3% pada tahun 2018. Bilangan penganggur di Sarawak mengikut kumpulan umur dari tahun 2010-2018 adalah seperti di Jadual 1 di bawah:-

Bilangan Penganggur Mengikut Kumpulan Umur di Sarawak

Kumpulan Umur	2010 ('000)	2011 ('000)	2012 ('000)	2013 ('000)	2014 ('000)	2015 ('000)	2016 ('000)	2017 ('000)	2018 ('000)
15-19	10.1	8.6	9.6	10.1	8.9	10.1	8.4	5.8	7.8
20-24	17.8	17.4	15.3	17.2	15.7	18.2	17.0	19.6	18.4
25-29	8.1	8.0	6.2	8.9	7.3	9.0	8.3	7.5	8.9
30-34	2.9	2.8	2.7	2.8	2.9	2.1	3.4	2.0	3.0
35-39	2.0	2.5	1.6	2.5	1.3	1.9	2.1	1.3	1.4
40-44	1.7	1.0	1.7	1.3	1.0	1.1	1.1	1.2	1.6
45-49	1.9	1.3	1.9	1.0	1.0	0.7	0.9	0.5	0.7
50-54	1.4	1.2	1.3	0.3	0.8	0.3	0.7	0.3	0.1
55-59	1.3	1.0	0.8	0.9	0.2	0.1	0.1	0.2	0.3
60-64	1.0	1.4	0.2	0.5	0.0	0.0	0.2	0.4	0.1
Jumlah	48.1	45.3	41.0	45.7	39.2	43.5	41.9	38.9	42.3

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia 2010 - 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Nota Teknikal: Hasil tambah bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama dengan jumlah yang ditunjukkan dalam jadual yang berkaitan kerana pembundaran secara bebas kepada satu titik perpuluhan.

2. Di antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menangani masalah pengangguran di Sarawak adalah seperti berikut:-

- (a) Membantu para pencari kerja mendapatkan pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di Sarawak khususnya. Salah satu langkah yang dilaksanakan secara berterusan adalah dengan mempromosikan laman sesawang *JobsMalaysia* (www.jobsmalaysia.gov.my) yang berperanan sebagai platform utama bagi pencari kerja mendapat maklumat jawatan kosong serta memohon jawatan yang diminati secara atas talian. Para pencari kerja dapat mengakses portal *JobsMalaysia* ini bila-bila masa di mana-mana sahaja. Promosi portal *JobsMalaysia* dilakukan secara aktif agar orang awam khususnya pencari kerja tahu akan kewujudan portal ini.
- (b) Menganjurkan Program Karnival Kerjaya semenjak tahun 2010 sehingga 2018. Sejak tahun 2010 sehingga 2018, sejumlah 190 program telah diadakan dan melalui program ini sejumlah 25,764 pencari kerja berjaya ditempatkan sewaktu program diadakan. Rata-rata pencari kerja yang hadir terdiri daripada golongan belia yang belum pernah bekerja atau pun pencari kerja yang telah mendapat pekerjaan dan ingin menambah baik kehidupan dengan mencari kerja yang lebih baik. Penyertaan majikan yang terdiri daripada majikan yang berpejabat di Sarawak dan juga majikan daripada Sabah dan Semenanjung Malaysia.
- (c) Mengadakan kerjasama dengan pihak majikan untuk melaksanakan temu duga terbuka di mana-mana 17 pejabat Jabatan Tenaga Kerja (JTK) seluruh Sarawak. Majikan terdiri daripada AEON Mall, Mydin Mall, MAS Airlines, Malindo Air serta pelbagai syarikat telah mengadakan temu duga terbuka menggunakan pejabat-pejabat JTK Sarawak dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

- (d) JTK Sarawak turut melaksanakan aktiviti ceramah kerjaya kepada golongan sasaran iaitu pelajar-pelajar sekolah menengah serta penuntut institut pengajian tinggi awam dan swasta. Objektif ceramah kerjaya diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada golongan sasaran berkenaan maklumat-maklumat pekerjaan yang ditawarkan sekali gus menjadi panduan kepada mereka dalam menentukan hala tuju pekerjaan mereka pada masa hadapan setelah tamat persekolahan mahupun setelah tamat pengajian di institusi pengajian tinggi. Selain itu, elemen kebolehpasaran turut diterapkan dalam kalangan golongan sasaran bagi membantu membina jati diri serta melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran asas dalam menempuh alam pekerjaan.

3. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil perhatian mengenai masalah pengangguran terutamanya dalam kalangan belia Sarawak. Selaras dengan itu, Kementerian ini telah mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan penglibatan golongan belia khususnya di negeri Sarawak untuk menyertai bidang keusahawanan. Program-program keusahawanan yang dianjurkan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak adalah seperti berikut:

- (a) Program *Youth Career (Y-Career)* bertujuan membantu belia B40 (bandar dan luar bandar) mengikuti latihan kemahiran khusus sebelum diserapkan dalam pasaran pekerjaan. Ia dilaksanakan sebanyak 6 program latihan di peringkat negeri Sarawak dengan jumlah penyertaan seramai 50 peserta secara keseluruhannya sehingga kini.
- (b) Program Karnival *Youth Business Expo (Ybex)* sebagai platform usahawan belia menjalinkan hubungan dengan pemain industri korporat dan menambah peluang pekerjaan dan latihan. Karnival ini dilaksanakan di peringkat negeri

SOALAN NO : 243

Sarawak dengan jumlah penyertaan seramai 2,000 orang peserta secara keseluruhan.

- (c) Kursus *Youth Agrotech* telah dilaksanakan di Kompleks Belia dan Sukan Sarawak, Pusat Pembenihan Ikan Laut Santubong (amali ternak ikan) dan LKIM Telaga Air (amali ternak udang marin). Kursus ini bertujuan memberi maklumat asas tentang teknik dan keperluan dalam menjalankan penternakan ikan laut seperti siakap/kerapu dan penternakan udang marin seperti udang harimau/udang putih dan telah disertai seramai 28 orang.
- (d) Melalui Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Miri, Kementerian Belia dan Sukan menawarkan latihan kemahiran TVET kepada golongan belia terutamanya di Sarawak sama ada melalui program sepenuh masa dan kursus jangka pendek. IKBN di Miri telah dibina pada tahun 2002 yang mempunyai kapasiti pelajar sebanyak 900 orang. Bidang-bidang yang ditawarkan di IKBN Miri adalah Sijil Kemahiran Malaysia yang melibatkan bidang teknologi mekanikal, teknologi hospitaliti dan teknologi automotif.
- (e) Bagi memastikan graduan IKBN Miri menjadi pilihan pihak industri, KBS menekankan inisiatif kerjasama strategik bersama pihak industri dalam memastikan latihan kemahiran yang dilaksanakan di IKBN sentiasa memenuhi keperluan industri. Antara syarikat-syarikat yang telah bekerjasama dengan IKBN Miri adalah *Oceancare Technical Training Centre* (OCTTC), Meritz Hotel Miri, Imperial Hotel Miri, AT Dunia Sdn Bhd, Miri Marriott Resort & Spa, Azama Auto Services, Mega Hotel Sdn Bhd, Dai Lieng Machinery Sdn Bhd.
- (f) Dari tahun 2010 hingga Jun 2019, jumlah graduan yang telah menamatkan latihan kemahiran di IKBN Miri adalah seramai

SOALAN NO : 243

2857 orang belia. Hasil daripada kajian kebolehpasaran graduan ILKBS 2018, kadar kebolehpasaran graduan IKBN Miri adalah 97%.

- (g) Selain daripada itu bermula 1 April 2019, kementerian telah melaksanakan satu program khas yang dinamakan *MyFuture Youth Plus* di bawah "*Skills Training At Risk @Youth*" atau STAR@U. Objektif utama program ini adalah memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai belia mendapat kemahiran terutamanya belia berisiko tanpa SPM. Sehingga 30 Julai 2019 seramai 50 peserta telah dilati di IKBN Miri menerusi 5 kursus yang telah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.